



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	4/6/2019	MUKA SURAT	: 28
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

## Pusat Konservasi Tapir di Jelebu

**Seremban:** Pusat Konservasi Tapir Kebangsaan yang pertama di negara ini akan diwujudkan di Taman Negeri, Hutan Simpan Kenaboi, Jelebu, kata Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Sembilan, Wan Mat Wan Harun.

Beliau berkata, projek berkenaan yang mendapat persetujuan kerajaan negeri sudah diluluskan Kerajaan Persekutuan hujung tahun lalu.

“Rasional pusat ini dibina kerana jabatan masih belum mempunyai pusat konservasi khusus untuk spesies tapir atau nama saintifiknya *Tapirus Indicus* bagi melaksanakan program rawatan, rehabilitasi dan pembiakan yang komprehensif.

“Bilangan tapir yang diselamatkan meningkat setiap tahun. Tapak projek dijamin Kerajaan Negeri Sembilan sejajar dengan Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.

“Kawasan Taman Negeri, Hutan Simpan Kenaboi adalah kawasan yang sesuai untuk dijadikan tapak projek ini. Penubuhan Pusat Konservasi Tapir Kebangsaan yang pertama di negara ini akan menggalakkan perkembangan aktiviti kajian dan penyelidikan spesies tapir serta habitat daripada penyelidik tempatan dan antarabangsa,” katanya kepada Bernama, di sini.

Selain itu, katanya, penubuhan pusat itu akan membantu merealisasikan Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045 yang antara lain bagi mempromosikan pelancongan yang berkonsepkan mesra alam dan mampan.

Wan Mat berkata, usaha konservasi tapir akan dapat dipertingkatkan dengan meningkatkan penggunaan teknologi dalam pembiakan dan pengurusan dan ini secara langsung dapat mengekalkan populasi hidupan liar berkenaan daripada diancam kepupusan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, projek itu kini di



**Bilangan individu tapir yang diselamatkan meningkat setiap tahun”**

**Wan Mat Wan Harun**

peringkat kajian awal dan ia dijangka mengambil masa selama lima tahun untuk disiapkan.

“Mengikut perancangan, keseluruhan kawasan yang akan dibangunkan ialah 81 hektar di mana 4.05 hektar adalah kawasan pembangunan infrastruktur bangunan seperti pejabat, klinik, makmal, bilik x-Ray, pusat rawatan, kuarantin, stor dan lain-lain.

“Bakinya 76.95 hektar adalah kurungan intensif berpagar iaitu tempat pelepasan tapir,” katanya sambil menambah di negara ini, tapir jarang diburu untuk dijadikan sumber makanan eksotik.

Katanya, ancaman utama kepada usaha pemeliharaan adalah pemecahan habitat dan perburuan sama ada dengan jerat atau senjata api.

“Berita mengenai tapir dilanggar kenderaan di jalan raya kerap disiarkan di media massa dan ini kesan daripada ancaman berkenaan,” katanya.

Beliau berkata, Tapir Malaya atau Badak Cipan mempunyai warna fizikal luar hitam dan putih dikaitkan oleh masyarakat tertentu sebagai simbol keseimbangan dan ketenangan dan hidupan liar ini mendapat perhatian yang baik dari negara seperti Jepun dan China.